



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI  
TINGKAT 14, 17 & 18  
WISMA BAPA MALAYSIA  
PETRA JAYA  
93502 KUCHING  
SARAWAK

Telefon Am : 082 - 441957  
Kawat : FINANCIALKUCHING  
Teleks : STAFIN MA70023  
Faks : 082-449948/442355

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : SFS/00021/SFS-CIRCULARS(P)(24)

Tarikh : 22 Januari 2015

**SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK  
BIL. 01/2015**

Kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

*Y.Bhg. Datuk/Datu/Tuan/Puan,*

**SISTEM MAKLUMAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR  
( CONTRACTORS REGISTRATION INFORMATION SYSTEM – CoRIS )**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak Bil. 05/2010 bertarikh 15 November 2010 mengenai penggunaan Sistem Maklumat Pendaftaran Kontraktor (CoRIS).

2. Berdasarkan maklumbalas daripada pihak kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan melalui jerayawara yang telah dilaksanakan oleh pejabat ini pada tahun 2014, adalah didapati penggunaan sistem CoRIS masih rendah walaupun sistem berkenaan telah lama diperkenalkan.

3. Oleh yang demikian, pihak kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan adalah dikehendaki untuk mengisi dan mengemaskini maklumat mengenai butir-butir perolehan (kerja/bekalan dan perkhidmatan/khidmat perunding) yang akan dilaksanakan, sedang dilaksanakan atau telah dilaksanakan oleh kontraktor/pembekal/konsultan ke dalam sistem CoRIS seperti yang telah diterangkan semasa jerayawara sistem di atas pada tahun lepas.


4. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan / Ketua Agensi adalah dikehendaki untuk memastikan arahan di atas dipatuhi.
5. Bersama-sama ini disertakan salinan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.05/2010 bertarikh 15 November 2010 untuk rujukan dan tindakan lanjut pihak tuan.

Sekian , terima kasih.

**“ BERSATU BERUSAHA BERBAKTI ”**

**“ AN HONOUR TO SERVE ”**

*Yang benar.*



**[ DATO SRI AHMAD TARMIZI HJ. SULAIMAN ]**  
SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI  
SARAWAK

**Lampiran**

s.k : YB Setiausaha Kerajaan, Sarawak  
Pengarah Audit Dalam, Sarawak  
Pengarah Audit Negara Cawangan Sarawak